



**KANAK-KANAK** dari sebuah tadika swasta di Terengganu menyertai perarakan sempena sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 di Dewan Tunku Abdul Rahman di Kuala Terengganu semalam.  
- MINGGUAN/PUQTRA HAIRRY

# PM: Kukuhkan kasih sayang, perpaduan

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@rnediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sempena Hari Malaysia 2023, seluruh rakyat diajak memperteguhkan perpaduan, sikap ihsan dan kasih sayang antara kaum demi kemakmuran negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hari besar seperti sambutan Hari Malaysia harus dihayati seluruh rakyat untuk sama-sama memajukan Malaysia.

“Saya menggesa semua pihak untuk bersemangat pada hari besar ini dengan rasa cin-

ta yang mendalam terhadap negara, sikap ihsan dan kasih sayang sesama warga dan perteguh perpaduan antara kaum.

“Saya yakin bahawa negara ini kuat dan mampu melonjak ke depan sekiranya kita berani menolak sikap prasangka, memupuk persefahaman dan kasih sayang.

“Selamat Hari Malaysia kepada seluruh anak bangsa!,” kata Perdana Menteri dalam kenyataan sempena sambutan Hari Malaysia Ke-60 semalam.

Anwar dan isteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail hadir ke sambutan Hari Ma-

laysia 2023 yang diadakan di Kuching, Sarawak malam tadi selepas dipilih sebagai tuan rumah bagi sambutan tahun ini.

Pada sambutan itu, rakyat Malaysia dari ketiga-tiga wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak akan bergerak Segulai Sejalai di Stadium Perpaduan sempena sambutan Hari Malaysia 2023.

‘Segulai Sejalai’ merupakan cogan kata dalam bahasa Iban yang bermaksud berjalan seiringan itu bertepatan dengan matlamat Kerajaan Perpaduan untuk mengukuhkan keharmonian rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.